

# IQRAR'

Bil. 10/2023  
OKTOBER



**Kiosk Statsdigital Tarikan Baharu  
Perpustakaan UiTM  
Kampus Shah Alam - muka 6**



**PTAR Rembau Fest 2023  
Kampus Rembau - muka 10**



**Program Book Launching  
Kampus Seri Iskandar - muka 12**



**Jelajah UiTM Bersama Tabung Haji  
Kampus Permatang Pauh - muka 15**



**Program Library Street  
Kampus Dungun - muka 16**

## PROMOSI@PTAR



# TAHNIAH! TUJUH ORANG STAF PTAR TERIMA SURAT KENAIKAN PANGKAT GRED S22

8 OKTOBER 2023

Disediakan oleh: Asmah Sabtu




SHAH ALAM, 9 Oktober 2023 – Seluruh warga Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam merakamkan ucapan TAHNIAH buat tujuh orang staf atas kenaikan pangkat secara Time-Based berasaskan kecemerlangan ke jawatan Pembantu Pustakawan Kanan gred S22.

Kenaikan pangkat ini telah diperakui oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-191 bertarikh 14 September 2023.

Tujuh orang staf PTAR dan tarikh kuatkuasa kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

1. Fadzrul Amri bin Baharudin – 1 Januari 2023
2. Nurul Adila binti Jusoh – 4 Januari 2023
3. Rozita binti Sharudin – 23 Januari 2023
4. Seri Ida Idayu binti Sarffuddin – 1 Februari 2023
5. Muhammad Sadruddin bin Salehuddin – 1 Februari 2023
6. Amy Suzaima binti Mohd Shafiee – 6 April 2023
7. Nur Azini binti Azman – 1 September 2023



**Disediakan oleh: Asmah Sabtu**



**SHAH ALAM, 11 Oktober 2023** – Lebih seratus orang termasuk staf Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah memenuhi perkarangan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam bagi menzahirkan penghargaan buat Naib Canselor UiTM YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor sempena Majlis Sanjungan Budi Kilauan Bakti Naib Canselor UiTM.

Perkarangan Anjung Seri Budiman adalah hentian pertama daripada empat hentian iaitu di Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM), Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) dan Kolej Pengajian Alam Bina (KPAB) sebelum YBhg. Naib Canselor tiba di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) lokasi berlangsungnya Majlis Sanjungan Budi pada jam 3:00 petang.

Ketibaan YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah telah diiringi oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose dan kesemua barisan Pengurusan Eksekutif dan Pengurusan Kanan universiti.

Dengan menyorot kembali tokoh-tokoh Naib Canselor UiTM bermula dari era Dewan Latehan RIDA hingga ke era UiTM, YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Raduan telah menzahirkan penghargaan buat YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah kerana berjaya menyempurnakan amanah sebagai Naib Canselor sehingga meletakkan UiTM dikedudukan terbaik pada masa ini. Digambarkan mempunyai hubungan akrab yang terjalin sejak sekian lama, YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Raduan menyifatkan YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah sebagai seorang pemimpin yang berkarisma, mengutamakan kualiti dan inovasi serta berjiwa pendidik.

Sebagai insan yang dirai oleh hampir seribu orang staf dan pelajar UiTM yang hadir di DATC pada petang itu, YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah tetap tenang berbicara mengenai perjalanan beliau sebagai Naib Canselor UiTM dan mendoakan agar UiTM akan terus maju memenuhi matlamat penubuhannya iaitu memberi pendidikan buat golongan Melayu Bumiputera.

Ketua Timbalan Pustakawan dan Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan Tuan Ts. Haji Azizi bin Haji Jantan telah hadir menyerahkan kad Ahli Luar Perpustakaan UiTM dan buah tangan berupa buku dan manisan buat YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah.

**5 FINALIS KUMPULAN KIK PTAR BERENTAP DI KONVENSYEN  
KIK PERINGKAT UiTM KALI KE-27  
23-25 OKTOBER 2023**

*Disediakan oleh: Asmah Sabtu*

**TAHNIAH & SYABAS**  
kepada  
Finalis Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)  
yang telah berjaya ke  
Konvensyen KIK Peringkat UiTM 2023

**TAHNIAH**  
Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)  
yang telah berjaya ke  
Konvensyen KIK Peringkat Zon 2023

**ZON TENGAH**

1. PREDIKSI (JURANG) PEMBAHARUAN INFRASTRUKTUR DAN ENTOETI (UTER)
2. JAGA (PILIHAN) PEMANIPULASI
3. PERKOR (KAMPUS) HOSPITAL AL-GHATAN ABDULLAH
4. VORTERO (KOLEJ) SAINS DAN TEKNOLOGI
5. INOVASI MADANI (KOLEJ) PENGAJIAN KILAU (TERENGGANU)
6. IN (UiTM) CAWANGAN SELANGOR
7. KOLIK (FASULTI) PERUBAHAN
8. LANSIR ADVOCATES (FAKULTI) HUKUM (MELAKA)
9. SPENSAT (UiTM) CAWANGAN SELANGOR
10. KIKAS (KUS) (KOLEJ) PENGAJIAN PENINGKATAN KUALITI (MUTIPERAN, INFORMATIK & SISTEMATIK)
11. DE JURE (FAKULTI) SAINS (MELAKA)
12. ELIQUIC (PERPUSTAKAAN) TUN ABDUL RAZAK
13. PEP (SAINS) (KOLEJ) PENGAJIAN (MELAKA)
14. PEP (SAINS) (KOLEJ) PENGAJIAN (MELAKA)
15. KALAM (GABER) (FAKULTI) PENYUJUKAN (KELAB) & (MELAKA)

**ZON SELATAN**

1. SCIENCE COMMUNITY RESEARCH GROUP (SCORG) (UiTM) CAWANGAN MELAKA
2. GRAHA JAYA (UiTM) CAWANGAN MELAKA
3. REJO (UiTM) (UiTM) CAWANGAN JOHOR
4. HOBAN (UiTM) CAWANGAN JOHOR
5. AGAR (UiTM) CAWANGAN JOHOR
6. AGRIKEM (KOLEJ) PENGAJIAN & AGROTEKNOLOGI
7. CIVIL (MURAH) (UiTM) CAWANGAN JOHOR

**ZON TIMUR**

1. MIM (UiTM) PAHANG (UiTM) CAWANGAN PAHANG
2. CITY CAMPUS INNOVATIVE TEAM (CITY) (UiTM) CAWANGAN KELANTAN
3. (PAM) (UiTM) CAWANGAN TERENGGANU

**ZON BORNEO**

1. SIBIRI (UiTM) CAWANGAN SARAWAK
2. SUTUP (MURAH) (UiTM) CAWANGAN SARAWAK
3. (MURAH) (UiTM) CAWANGAN SARAWAK
4. OK (C) (UiTM) (UiTM) CAWANGAN SARAWAK
5. SPECTRUM (UiTM) CAWANGAN SARAWAK

**ZON UTARA**

1. I-CRIB (UiTM) CAWANGAN PULAU PINANG
2. THE WERDORS (UiTM) CAWANGAN KEDAH
3. PULAU (UiTM) CAWANGAN PERLIS
4. DICKET (UiTM) CAWANGAN PERLIS
5. NORTH (UiTM) (UiTM) CAWANGAN PULAU PINANG
6. ALUM (TEAM) (UiTM) CAWANGAN PERANG



SHAH ALAM, 23 Oktober 2023 – Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah mencipta rekod sebagai finalis Kumpulan Inovatif & Kreatif terbanyak sempena Konvensyen KIK Peringkat UiTM Kali ke-27 yang sedang berlangsung pada 23 Oktober hingga 25 Oktober 2023. 5 finalis Kumpulan KIK daripada PTAR, UiTM Shah Alam dan PTAR, UiTM cawangan ialah:

1. **SPEKTRUM** (UiTM cawangan Sarawak) – Bahan (Buku) yang rosak tidak dilaporkan
2. **AKAR** (UiTM cawangan Johor) – Smart Discussion Device
3. **PDJH Crew** (UiTM cawangan Perlis) – Mencipta Rak Penyimpanan dan Pemetongan Kekulit Buku
4. **I-CLIQUE** (PTAR Shah Alam) – Library Visitor System (LibVisitor)
5. **GRAHA JAYA** (UiTM cawangan Melaka) – KBM Learning Space

Menerusi ucapan pembukaan dalam Majlis Pembukaan Konvensyen KIK Peringkat UiTM Kali Ke-27, Pengerusi Konvensyen KIK YBrs. Tuan Ts Haji Azizi bin Haji Jantan telah menyeru agar seluruh finalis kumpulan KIK mengamalkan inovasi yang dicipta dan dipertandingkan di tempat kerja masing-masing. Tambahnya lagi, setiap kecemerlangan harus mempunyai 'soul' (jiwa) agar terus memberi manfaat buat warga universiti.

Tuan Ts Haji Azizi turut mengalu-alukan sumbangan foto dan dokumen sepanjang 27 kali penganjuran Konvensyen KIK di UiTM terutama daripada pakar rujuk KIK UiTM agar maklumat dapat dipelihara dan dirujuk oleh generasi berikutnya.

PTAR telah menjadi tuan rumah Konvensyen KIK Peringkat UiTM Kali ke-27 yang sedang berlangsung di Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam. Sebanyak 20 kumpulan KIK berentap di pentas akhir Konvensyen KIK bagi merebut trofi, sijil dan wang kemenangan.

**Disediakan oleh: Asmah Sabtu**



**SHAH ALAM, 27 Oktober 2023** – Perpustakaan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menyediakan perkhidmatan Kiosk StatsDigital yang mengandungi 3,181 naskah penerbitan seperti akaun negara, tenaga buruh dan perangkaan sosial serta indikator ekonomi hijau sejak tahun 1891 hingga kini.

Naskah penerbitan digital yang meliputi bidang ekonomi, sosial dan umum didatangkan dalam jenis Dataset, e-Book, Infografik, Nota Teknikal dan Jadual Penerbitan akan menjadi tarikan baharu buat para penyelidik, pelajar dan pensyarah untuk menjadikan Perpustakaan UiTM sebagai hub data Jabatan Perangkaan Malaysia.

Menerusi ucapan perasmian sewaktu Majlis Pelancaran Kiosk StatsDigital yang diadakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam pagi tadi, Ketua Perangkawan Malaysia YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa penyediaan Kiosk StatsDigital di Perpustakaan UiTM akan menjadi pemangkin fungsi penyediaan dan penggunaan data dan maklumat bagi kedua-dua institusi ini.

Menurut beliau, peranan data dan maklumat amat penting terutama dalam menyelesaikan pelbagai isu yang menghambat kompleksiti masyarakat hari ini. Tambahnya lagi, penyediaan dan penggunaan data mikro mula menjadi perhatian umum rakyat Malaysia sejak Pilihanraya Umum Malaysia ke-14 yang lalu.

Dalam pada itu, Ketua Timbalan Pustakawan dan Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan Tuan Ts Haji Azizi bin Haji Jantan menyatakan bahawa kerjasama erat antara UiTM dan Jabatan Perangkaan Malaysia amat perlu bagi mewujudkan masyarakat yang celik data terutama dalam penggunaan data daripada sumber yang sahih.





12 Oktober 2023 – Perpustakaan Tun Abdul Razak Sains dan Teknologi dengan Kerjasama Kolej Pengajian Kejuruteraan telah berjaya menganjurkan Program Mobile Library di perkarangan Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dimana program ini telah dijalankan dari jam 2.30 – 4.30 petang.

Antara objektif penganjuran Program ini adalah untuk :

1. Meningkatkan lagi budaya membaca yang disebar luas kepada golongan pelajar dan staf yang terlibat
2. Menyokong inisiatif read@UiTM yang dipacu oleh kerajaan
3. Penyediaan Perkhidmatan pinjam pulang dan konsultasi penyelidikan secara langsung di lokasi yang dipilih



Suasana di sepanjang Program Mobile Library dijalankan



6 Oktober 2023, Jumaat – Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka telah dijemput untuk menjadi penceramah bagi Taklimat Pengurusan Fail dan Penyediaan Surat Rasmi sempena Program Kursus Pemantapan Organisasi (KPO) anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej dan Jawatankuasa Perwakilan Non-Resident Kampus Jasin pada 6 Oktober 2023 (Jumaat), jam 2.30 Petang yang bertempat di Dewan Syahbandar, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah

Taklimat ini telah disampaikan oleh panel penceramah Cik Ilya Nur Fateen binti Othman, Pustkawan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Taklimat ini telah disertai oleh 60 orang pelajar Jawatankuasa Perwakilan Kolej dan Jawatankuasa Perwakilan Non-Resident Kampus Jasin. Taklimat ini telah dikendalikan secara bersemuka selama 2 jam dan telah dibantu oleh staf Unit Arkib Puan Suzaimy binti Senin, Encik Jonizam bin Abu Kasim dan 5 orang pelajar latihan industri PTAR UiTM Cawangan Melaka.

Objektif penganjuran taklimat adalah untuk:

1. Memperkenalkan Perkhidmatan Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka
2. Mempelajari cara menguruskan rekod dari penawanan sehingga pelupusan rekod
3. Mempelajari cara penyediaan surat rasmi mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia dan UiTM.
4. Semoga taklimat ini dapat mempromosikan perkhidmatan Unit Arkib dalam menyokong usaha-usaha memberi kesedaran kepada semua Warga UiTM mengenai kepentingan Pengurusan Rekod Universiti yang mesti diketahui oleh semua warga UiTM terutama PTJ di bahagian pengurusan tertinggi UiTM Cawangan Melaka.



## BENKEL MIGRASI KLASIFIKASI FAIL UiTM 6 OKTOBER 2023

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan



18 – 19 Oktober 2023, (Rabu – Khamis) – Jabatan Arkib Universiti bersama Pusat Pembangunan Kompetensi (PPK) ILD UiTM telah terlibat dalam penganjuran satu bengkel Migrasi Klasifikasi Fail UiTM pada 18 – 19 Oktober 2023 (Rabu – Khamis), jam 8.00 Pagi – 5.00 Petang yang bertempat di ILD Bandar Enstek, Negeri Sembilan

Bengkel yang telah berlangsung selama dua hari ini memfokuskan perkara berkaitan migrasi kasifikasi fail UiTM kepada para peserta bengkel. Peserta bengkel ini dihadiri oleh Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) UiTM Shah Alam dan juga wakil dari Unit Arkib Cawangan seluruh negeri.

Sepanjang 2 hari ini para peserta bengkel diberikan taklimat dan penerangan mengenai migrasi klasifikasi fail sebelum para peserta diberikan latihan dan tugas bagi menguji kefahaman mengenai migrasi klasifikasi fail. Setelah para peserta membuat latihan, beberapa peserta dari UiTM Shah Alam akan dipanggil untuk membuat pembentangan mengenai migrasi klasifikasi fail yang telah dibuat.

Selain itu, Unit Arkib Cawangan Melaka telah dipilih untuk menjadi wakil Cawangan bagi sesi pembentangan migrasi klasifikasi fail UiTM. Cik Ilya Nur Fateen binti Othman, Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka telah membentangkan migrasi klasifikasi fail yang telah dibuat bagi klasifikasi fail PTAR UiTM Cawangan Melaka.

Semoga bengkel ini dapat menyokong usaha-usaha memberi kesedaran kepada semua Warga UiTM mengenai kepentingan Pengurusan Rekod Universiti yang mesti diketahui oleh semua warga UiTM terutama PTJ di bahagian pengurusan tertinggi UiTM.



*Disediakan oleh: Syaiful Hisyam Saleh*



Selasa, 31 Oktober 2023 telah berlangsung program hari terbuka, PTAR Rembau Fest 2023 yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dengan kerjasama kelab PTAR Buddies, Majlis Perwakilan Pelajar, Jawatankuasa Perwakilan Komander Kesatria dan Jawatankuasa Sukan Pelajar. Turut hadir, Yang Berbahagia Prof. Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA, Rektor serta Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM Cawangan Negeri Sembilan sempat mengadakan lawatan sempena program Sesi Townhall yang diadakan di UiTM Kampus Rembau.

Antara aktiviti yang diadakan termasuklah PTAR Table Tennis Championship Musim ke-2, pertandingan ulasan buku Share What You Read Musim ke-2, pertandingan deklamasi sajak Young Poet, pertandingan pengucapan awam Speak Louder!, PTARace, Talk: Speak English Confidently yang disampaikan oleh pensyarah, Encik Mohd Faisal Md Noor dan pembukaan booth-booth kelab dan persatuan pelajar, Club In Action (CIA).

Program berlangsung bermula 9.00 pagi hingga 4.00 petang dan disertai oleh pelajar-pelajar UiTM Kampus Rembau. Program ini secara tidak langsung menyokong kepada program inisiatif Read@UiTM menerusi aktiviti-aktiviti yang dijalankan bersama para peserta. Tirai program ditutup dengan acara perasmian penutup dan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan yang dianjurkan.



Disediakan oleh: Aizu Hakimi Mohd Adnan

**MEET & GREET**  
BERSAMA  
**DR. LIM SENG BOON**

PENULIS BUKU : Bandar Pintar Ubiquitous (U-CITY & Pembangunan Bandar Pintar Berpusatkan Rakyat di Malaysia

**11 OKTOBER 2023**  
**RABU**  
10:30 PAGI - 12:30 TENGAH HARI  
LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT AREA,  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
UiTM CAWANGAN PERAK

Anjuran  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

**PENULIS BUKU**  
Dr. Lim Seng Boon  
Pembangunan Bandar  
Pintar Berpusatkan Rakyat  
di Malaysia

**PENGULAS BUKU**  
Prof. Madya Gs. Dr. Mohd Fadil Abdul Rashid  
Jabatan Alam Bina & Ukur  
Universiti Teknologi Malaysia

**PENGULAS BUKU**  
Ts. Dr. Noor Aimran Samsudin  
Fakulti Alam Bina & Ukur  
Universiti Teknologi Malaysia

**MODERATOR**  
Encik Muhamad Azim bin A'nsori  
Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Perak

11 OKTOBER 2023 : Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah mengadakan Program Meet & Greet Bersama Penulis yang bertempat di ruang Library Community Engagement. Program ini bersama dengan Dr. Lim Seng Boon, penulis buku yang bertajuk “Bandar Pintar Ubiquitous (U-City) Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Bandar Masa Hadapan dan Buku Pembangunan Bandar Pintar Berpusatkan Rakyat di Malaysia”.

Jemputan khas, pengulas buku iaitu Prof. Madya Gs. Dr. Mohd Fadil Abdul Rashid (Jabatan Alam Bina Dan Teknologi UiTM Cawangan Perak), dan Ts. Dr. Noor Aimran Samsudin (Fakulti Alam Bina & Ukur Universiti Teknologi Malaysia) yang turut serta bersama dalam program ini bagi membicarakan serta mengulas intipati kandungan buku tersebut secara terperinci. Encik Muhamad Azim bin A'nsori, Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Perak selaku moderator serta pengendali perbincangan diantara para panel pengulas buku dan penonton sepanjang program ini berlangsung.

Program ini bertujuan memahami, membincangkan, berkongsi kandungan buku serta memberi ulasan kandungan buku bersama warga UiTM Cawangan Perak yang hadir. Program ini merupakan KPI Program Read@UiTM di bawah PTAR UiTM Cawangan Perak dan salah satu usaha menggalakkan budaya membaca dalam kalangan warga kampus disamping mempromosikan penulisan bahan ilmiah para akademik.



Disediakan oleh: Aizu Hakimi Mohd Adnan

The poster features the title 'MAJLIS PELANCARAN BUKU BANDAR PINTAR UBIQUITOUS U-CITY & PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR BERPUSATKAN RAKYAT DI MALAYSIA'. It includes the date '11 Oktober 2023 (Rabu)', time '8.30 PAGI - 10.30 PAGI', and location 'Library Community Engagement Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar'. A circular portrait of the speaker, Dr. Lim Seng Boon, is shown. Two book covers are displayed: 'Pembangunan Bandar Pintar Berpusatkan Rakyat di MALAYSIA' and 'BANDAR PINTAR UBIQUITOUS U-CITY'. The UiTM logo and social media icons are at the bottom.



11 OKTOBER 2023 : Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah mengadakan Majlis Pelancaran Buku yang bertempat di ruang Library Community Engagement. Pihak perpustakaan telah menjemput Puan Jona Hidayati Qamaruzzaman iaitu Timbalan Pendaftar Kanan UiTM Cawangan Perak mewakili Yang Berusaha Rektor UiTM Cawangan Perak untuk melancarkan buku yang bertajuk "Bandar Pintar Ubiquitous (U-City) Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Bandar Masa Hadapan dan Buku Pembangunan Bandar Pintar Berpusatkan Rakyat di Malaysia".

Majlis berlangsung pada pukul 8.30 pagi dengan kehadiran Prof. Madya Ts. Dr Norhafizah Abdul Rahman (Ketua Jabatan Pengajian Alam Bina Dan Teknologi, Kolej Alam Bina, UiTM Cawangan Perak) , Dr. Lim Seng Boon Pensyarah kanan (Jabatan Alam Bina Dan Teknologi UiTM Cawangan Perak) juga merangkap penulis buku yang dilancarkan, Prof. Madya Gs. Dr. Mohd Fadzil Abdul Rashid (Jabatan Alam Bina Dan Teknologi UiTM Cawangan Perak), Ts. Dr. Noor Aimran Samsudin (Fakulti Alam Bina & Ukur Universiti Teknologi Malaysia) serta Puan Siti Basriyah Shaik Baharuddin (Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Cawangan Perak) untuk pelancaran buku tersebut.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh warga staf dan pelajar bagi menyokong hasil penulisan Dr Lim Seng Boon disamping mendapat ilham untuk berkarya. Majlis ini jelas merupakan acara yang penting dalam akademik universiti dan penulisan buku yang memaparkan isu-isu penting dalam pembangunan bandar pintar di Malaysia. Ini adalah satu lagi langkah untuk meningkatkan ilmu dan perkongsian pengetahuan dalam komuniti akademik.

Program pelancaran buku ini diadakan dengan tujuan mencapai beberapa objektif penting, iaitu untuk mencapai KPI PTAR UiTM, bilangan pelaksanaan Program Read@UiTM, mempromosikan budaya membaca, galakkan menulis bahan ilmiah, mendorong penggunaan perpustakaan sebagai sumber utama rujukan, serta menarik dan meningkatkan jumlah pengunjung ke perpustakaan.

## TEKNIK MEMBACA PANTAS BUKA PERSPEKTIF BAHARU UNTUK PELAJAR

9-10 OKTOBER 2023

Disediakan oleh: Aizu Hakimi Mohd Adnan

**BULETIN**  
**IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS TAPAH, PERAK



9 & 10 Oktober 2023 – Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Perak Kampus Tapah telah mengadakan bengkel “Speed Read” bersempena Minggu Kesihatan Mental 2023 dengan kerjasama Unit Kesihatan dan Unit Sukan UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah.

Sedari kini minat membaca bagi para pelajar yang sedang menuntut di Pengajian Tinggi adalah semakin membimbangkan. Antara faktor yang mempengaruhi minat membaca dalam kalangan pelajar adalah kurangnya pengetahuan teknik pembacaan yang efektif. Pelajar selalunya akan mengambil masa yang agak panjang untuk menghabiskan sesebuah pembacaan. Disebabkan ini juga membuatkan para pelajar menjadi kurang fokus dan mudah bosan terhadap bahan bacaan mereka.

Justeru itu PTAR Kampus Tapah telah mengambil inisiatif untuk memperbaiki kaedah pembacaan para pelajar dengan menadakan bengkel bacaan pantas (Speed Read) kepada para pelajar khususnya untuk pelajar di UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah.

Dengan mengikuti bengkel ini, para pelajar telah didedahkan mengenai kaedah pembacaan yang berkesan selain daripada membolehkan mereka juga untuk membaca lebih banyak bahan dalam masa yang singkat. Bengkel ini juga memfokuskan para pelajar untuk mengubah tabiat lama mereka ketika membaca. Kaedah bacaan pantas seperti eye fixation, skimming dan scanning turut diperkenalkan bagi mewujudkan tabiat membaca yang baharu. Mereka juga disediakan dengan pelbagai latihan bacaan termasuk dalam bentuk bahan fizikal dan digital.

Bengkel ini telah dijalankan di Makmal Komputer Aras 1 PTAR Kampus Tapah selama 2 hari (9 dan 10 Oktober 2023) kepada 2 kumpulan pelajar yang berbeza. Bengkel yang berdurasi 2 jam ini juga telah disampaikan oleh Pustakawan, Encik Aizu Hakimi dan dibantu oleh pelajar latihan industri. Turut diadakan sesi kuiz serta penyampaian hadiah kepada para peserta pada akhir program.

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam



Pada 19 Oktober 2023, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) Kampus Permatang Pauh telah mengadakan Program Mobile Library bertempat di Laman Perdana. Ianya berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang dan turut disertai oleh Unit Arkib Universiti serta Unit Perpustakaan Digital, PTAR UiTM CPP.

Antara aktiviti yang disediakan kepada pengguna ialah pinjaman dan pemulangan buku, pameran rekod penting universiti berkaitan UiTM CPP, penggunaan Mobile Apps serta permainan minda secara maya. Mobile library kali ini diharap dapat memudahkan pengguna untuk mengakses bahan perpustakaan dan membuat pinjaman walaupun tidak dapat hadir ke perpustakaan secara fizikal.

Penganjuran kali ini telah menarik ramai pelajar-pelajar baharu yang turut serta dalam permainan minda, membuat pinjaman buku dan mendaftar Mobile App PTAR buat kali pertama. Selain itu, pameran oleh Unit Arkib juga mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Semoga program seumpama ini dapat menggalakkan para pelajar dan kakitangan UiTM meminjam dan membaca buku secara berkala dan memupuk semangat cintakan ilmu dalam kalangan mereka.



# JELAJAH UITM BERSAMA TABUNG HAJI

30 OKTOBER 2023

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam



30 Oktober 2023- Bertempat di Ruang Library Community Engagement, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) Kampus Permatang Pauh dengan kerjasama Tabung Haji serta Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2022/2023 telah menganjurkan program Jelajah UiTM Bersama Tabung Haji. Program yang berlangsung jam 10.00 pagi ini disertai oleh 200 orang pelajar dan kakitangan UiTM CPP.

Program ini diadakan untuk memperkenalkan aplikasi atas talian, THJARI yang dapat memudahkan transaksi pendeposit Tabung Haji. Antara transaksi yang boleh dilakukan secara atas talian ialah urusan simpanan dan pengeluaran wang, pembukaan akaun baru, urusan berkaitan haji, pengagihan hibah dan lain-lain.

Sepanjang program ini berlangsung, Tabung Haji juga turut menyediakan perkhidmatan mengaktifkan akaun, semakan akaun, pembukaan akaun baharu bagi dewasa dan kanak-kanak dan promosi produk-produk terkini Tabung Haji. Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang, YBhg Prof. Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy bin Razali juga tidak ketinggalan beramah mesra dengan para petugas Tabung Haji sebelum program berakhir pada jam 2.30 petang.



Tuan Haji Ahmad Faizer bersama Dr. Kay Dera (PJM) dan para peserta Jelajah UiTM Bersama Tabung Haji.

Pelajar dan kakitangan sedang berurusan di kaunter Tabung Haji.

# PROGRAM LIBRARY STREET UiTM CAWANGAN TERENGGANU

4 OKTOBER 2023

**BULETIN  
IQRA**

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN  
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris



Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun telah menganjurkan Program Library Street Disember 2023 bertempat di Dewan Makan Kolej Perhentian pada 6 Disember 2023, Rabu yang lalu. Program ini merupakan siri ke lima ianya diadakan pada tahun 2023, bertujuan untuk mendekati para pelajar dengan membawakan pelbagai aktiviti ilmu bersama koleksi baharu perpustakaan untuk pinjaman.

Pelbagai bahan bacaan terkini dipamerkan seperti bahan bacaan silibus dan bahan bacaan santai mengikut kesesuaian minat pengunjung. Program yang berlangsung bermula jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang ini telah menarik lebih dari seratus orang pengunjung. Puan Ayuzawahie binti Amran, Pembantu Pustakawan Kanan, selaku ketua projek sangat berpuas hati dengan penganjuran program ini kerana telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pelajar.

Turut diadakan sepanjang program ini ialah aktiviti peminjaman dan pemulangan buku; dengan rekod sebanyak 84 buah buku telah dipinjam oleh pengguna, semakan maklumat am perpustakaan, pertandingan menyusun buku serta rujukan perkhidmatan perpustakaan digital. Lebih menarik ialah penganjuran program Blind Date with Books & Review (Me and Lovely Books) yang dikendalikan oleh pelajar praktikal perpustakaan, serta Pertandingan Mini Library Treasure Hunt. Penerangan berkenaan Speed Reading turut diberikan kepada pelajar dan ianya dikendalikan oleh Puan Hafsa Mustafa, Pembantu Pustakawan.

E-Merit pelajar, e-sijil penyertaan dan pelbagai hadiah saguhati disediakan kepada pengunjung yang menyertai aktiviti dan program pada hari tersebut. Diharapkan program ini dapat memberi manfaat kepada para pelajar tentang perkhidmatan yang ditawarkan kepada warga UiTMCT seterusnya memupuk budaya membaca dan cintakan ilmu, di samping mendekati perpustakaan dengan pengguna.



Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

**BENGKEL ASAS PENYEDIAAN TUGASAN AKADEMIK**

**SEMUA DUJEMPUT HADIR**  
PENYERTAAN PELAJAR BARU Sesi 1023 - 1024

**PENYAJI**  
**Cik Asmahani Abdullah**  
Pustakawan Kanan  
Unit Perkhidmatan Perpustakaan  
Perpustakaan Cendekiawan

**TARIKH**  
8 OKTOBER 2023 (JUMAAT)

**WAKTU**  
10:00 Pagi - 12:00 Tengahari

**PLATFOM**  
WEBEX  
<https://uiTM.zoom/join/9893456789>

**PENGISIAN PROGRAM :**

- Pendedahan tentang kemudahan serta cara-cara penggunaan perisian aplikasi:
  - Microsoft Office
  - Canva
- Strategi pencarian maklumat menggunakan:
  - OPAC
  - Google Scholar
  - MyKM & PDAT
- Tips tentang pembuatan sitasi dan rujukan (Citation & References)

ANJURAN: PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS DUNGUN

Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun telah mengadakan Bengkel Asas Penyediaan Tugas Akademik dengan mensasarkan para pelajar baharu Sesi Oktober 2023 – Februari 2024, pada 8 Oktober 2023, Jumaat yang lalu.


Program yang dijalankan secara atas talian melalui platform WEBEX Meeting ini telah bermula pada 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari, dan telah disampaikan oleh Cik Asmahani binti Abdullah, Pustakawan Kanan, Unit Perkhidmatan Perpustakaan. Cik Rabiatul Ainnuha Ridzuan, Pelajar Latihan Industri Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT pula bertindak sebagai moderator program.

Fokus utama penganjuran bengkel ini adalah untuk memberi panduan dan pengetahuan serta teknik asas penyediaan tugas akademik. Turut disampaikan kaedah pencarian maklumat yang berkesan dan mudah kepada peserta, terutamanya pelajar baharu bagi memulakan pengajian di universiti.

Di antara pengisian pada program ini adalah seperti:

1. Pendedahan tentang kemudahan serta cara-cara penggunaan perisian aplikasi Microsoft Words, Microsoft Exel, Microsoft Power Point dan Canva.
2. Strategi pencarian maklumat dengan menggunakan Perpustakaan Digital UiTM seperti OPAC, serta MyKM dan PDAT. Turut dibentangkan kaedah carian maklumat di Google Scholar.
3. Tips tentang pembuatan sitasi dan rujukan (Citation dan References).

Bengkel selama dua jam ini telah mendapat sambutan yang sangat baik dengan penyertaan seramai 260 orang yang terdiri dari pelajar-pelajar baru UiTM Cawangan Terengganu. e-Sijil penyertaan dan e-Merit turut diberikan kepada setiap peserta bengkel yang hadir.



Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar



The poster features the logo of Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) at the top left. The main title is 'MOBILE LIBRARY @ Dataran Lestari' in a yellow banner. Below this, it lists services: 'PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN: PEMINJAMAN BUKU, PEMULANGAN BUKU, SEMAKAN MAKLUMAT AM PERPUSTAKAAN, PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DIGITAL'. A blue cloud graphic says 'Jumpa Kami di Sana!!'. A checklist on the right includes: 'Hadiah kepada peminjam yang meminjam lebih 2 buah buku', 'Terbuka kepada semua staf & pelajar UTeM/TKM', and 'Berpeluang memenangi pelbagai hadiah yang disediakan'. At the bottom, it states the date '18 Oktober 2023 (Rabu)', time '09.30 Pagi - 4.30 Petang', and location 'Dewan Lestari, UTeMCT Kuala Terengganu'. Social media icons for Facebook, Instagram, YouTube, and Twitter are also present.

Pada 8 Oktober 2023 (Rabu), Perpustakaan Cendekiawan Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Program Mobile Library yang bertempat di Ruang Legar Dataran Lestari, UTeM Kuala Terengganu. Program yang bermula jam 9.30 pagi sehingga jam 4.30 petang diadakan untuk menggalakkan warga kampus untuk peminjaman buku dari perpustakaan.

Pelbagai perkhidmatan perpustakaan turut di war-warkan kepada warga kampus seperti Peminjaman dan pemulangan buku, semakan maklumat am perpustakaan dan perkhidmatan perpustakaan digital. Tujuan program ini diadakan bagi memudahkan staf perpustakaan untuk berinteraksi dengan pengguna dan menerangkan mengenai perpustakaan.

Perpustakaan turut melaksanakan peminjaman yang meminjam lebih daripada 2/3 naskhah buku akan berpeluang mendapat hadiah yang menarik. Ia dilaksanakan bagi memberi galakan kepada warga kampus terutamanya pelajar untuk meminjam buku yang terdapat di Perpustakaan Cendekiawan.

Semoga program yang dilaksanakan ini dapat memberi lebih pendedahan kepada warga kampus mengenai perkhidmatan di perpustakaan. Program ini turut menyokong dan menyeru warga kampus dalam Kempen Galakan Membaca dan menyokong kepada sasaran Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG ke-4 iaitu Pendidikan Berkualiti.



Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar

**ULASAN BUKU: JOY AT WORK**  
**READ@UITM**

TARIKH: 30 OKTOBER 2023 (ISNIN)  
MASA: 10.00 AM - 11.00 AM  
TEMPAT: PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN,  
UITMCTKT  
PLATFORM : GOOGLE MEET

**DR NURUL AININA REDWAN**  
PENYARAH KANAN  
JALJZ PENGALAM PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK (KPPM)  
UITMCT KAMPUS KUALA TERENGGANU

ALURAN PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UITMCT KAMPUS KUALA TERENGGANU

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KUALA TERENGGANU | PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KUALA TERENGGANU | PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KUALA TERENGGANU | PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KUALA TERENGGANU

Pada 30 Oktober 2023 (Isnin), Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah menganjurkan program Read@UiTM : Ulasan buku yang bertajuk Joy at Work . Perkongsian ini disampaikan oleh Dr Nurul Ainina Redwan , Pensyarah Kanan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu yang dilaksanakan secara bersemuka di Ruang Bacaan Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu dan atas talian melalui Google meet.

Perkongsian ini mengenai cara atau tips untuk bekerja dengan gembira dan bersemangat. Terdapat pelbagai cara untuk memulakan hari bekerja dengan seronok tanpa memikirkan masalah yang akan berlaku. Ia juga membantu kita cara untuk mengelakkan toxic people dalam kehidupan terutamanya dalam pelaksanaan kerja harian. Selain itu, pelbagai tips dan kaedah yang turut dikongsi bagi menaikkan mood dan bekerja dalam persekitaran yang sihat. Semoga perkongsian yang menarik ini dapat memberi galakan dan dorongan untuk bekerja dengan bersemangat dan cemerlang kepada warga UiTM.

Pengisian program yang disampaikan selama satu jam mendapat maklumbalas yang baik dari peserta terutamanya warga UiTM. Semoga perkongsian ini dapat membantu warga UiTM untuk terus bekerja dengan gembira dan mendapat memanfaatkan ilmu yang dikongsi sepanjang program. Read@UiTM yang dilaksanakan ini dapat menyokong kepada sasaran Sustainable Development Goals (SDG) antaranya SDG-4 iaitu Quality Education. Ia juga dapat menyokong kempen Galakan Membaca di kalangan IPT.



# PROGRAM READ@UiTM SPEED READING

24 OKTOBER 2023

Disediakan oleh: Zuraida Abdul Karim



*KOTA SAMARAHAN, 24 OKTOBER 2023- Program Read@UiTM Speed Reading yang dianjurkan oleh PTAR Kampus Samarahan telah dilaksanakan di Sudut IT 2, PTAR UiTM Kampus Samarahan. Program kali ini diadakan bersama 15 orang pelajar dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi sesi Oktober 2022-Februari 2023.*

*Objektif program ini dilaksanakan adalah bagi memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari teknik bacaan pantas, meningkatkan keyakinan diri ketika membaca serta memupuk minat membaca dan menggalakkan pembacaan di kalangan peserta serta membina kompetensi pembacaan.*

*Penceramah untuk program ini ialah Encik Dominic Bin Ingu, Pembantu Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Sarawak.*



Disediakan oleh: Zuraida Abdul Karim



**MUKAH, 20 OKTOBER 2023-** Program Read@UiTM Speed Reading yang dianjurkan oleh PTAR Kampus Mukah telah dilaksanakan di Makmal Komputer, PTAR Kampus Mukah. Program kali ini diadakan bersama 20 orang pelajar seliaan Encik Arif Azizi bin Che Harun, AT127 1B daripada Fakulti Perladangan dan Agroteknologi.

Objektif program ini dilaksanakan adalah bagi memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari teknik bacaan pantas, meningkatkan keyakinan diri ketika membaca serta memupuk minat membaca dan menggalakkan pembacaan di kalangan peserta serta membina kompetensi pembacaan.

Penceramah untuk program ini ialah Encik Tahir Raya, Pembantu Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Cawangan Sarawak.



Disediakan oleh: Zuraida Abdul Karim

The image shows a promotional poster for the event and two photographs. The poster on the left features the logos of Universiti Teknologi MARA and Lestari@PTAR. The main title is 'SUSTAINABLE DEVELOPMENT AND NATIONAL SECURITY'. Below the title, it lists the date as 31<sup>st</sup> October 2023 (Tuesday), time as 10:00 AM - 11:00 AM, and venue as the lobby on the first floor of PTAR UiTM Kampus Samarahan 2. It also includes social media icons for Facebook, X, Instagram, YouTube, and TikTok. The poster mentions it is organized by Perpustakaan Tun Abdul Razak in collaboration with Jawatankuasa Pelestarian Kampus UiTM Sarawak. A portrait of the speaker, Nur Afisha Yusuf, is shown. The text identifies her as a Senior Lecturer in the Faculty of Administrative Science and Policy Studies. The reference code PTARSWK/23-93 is also present. To the right, two photographs show the speaker presenting to an audience. The top photo shows her standing next to a large screen displaying the event title. The bottom photo shows her interacting with a group of students seated at a table.

KOTA SAMARAHAN, 31 OKTOBER 2023 – Program Lestari@PTAR bagi bulan Oktober telah dijalankan secara fizikal bertempat di Ruang Legar Aras Atas PTAR Kampus Samarahan 2. Program Lestari@PTAR Bulan Oktober yang bertajuk Sustainable Development And National Security telah disampaikan oleh Puan Nur Afisha Yusuf, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Pentadbiran Dan Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Sarawak.

Program Lestari@PTAR merupakan sebuah program bulanan yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2023 oleh PTAR UiTM Cawangan Sarawak dengan kerjasama Jawatankuasa Pelestarian Kampus UiTM Cawangan Sarawak. Objektif program ini diadakan adalah bertujuan untuk mempromosi Sustainable Development Goals (SDGs), Agenda 2030 kepada semua warga UiTM Cawangan Sarawak.

Program Lestari@PTAR bagi bulan Oktober ini telah dikendalikan oleh Puan Fazyiema Fazari, Pembantu Pustakawan Kanan dan Encik Yusuf Melian Pembantu Pustakawan, PTAR UiTM Cawangan Sarawak. Semoga maklumat yang dikongsikan memberi manfaat kepada warga UiTM Cawangan Sarawak.



# PROMOSI@PTAR




# IQRA'



## TABUNG SUMBANGAN DERMA TUNAI KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN SERENDAH RM1.00

SETIAP SUMBANGAN LAYAK MENDAPAT PENGECUALIAN CUKAI  
DI BAWAH SUBSEKSYEN 44 (8) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967  
HADIAH UNTUK KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN

### 1 Pemotongan Gaji (Staf UiTM)



### 2 Giving@UiTM (Staf UiTM dan Komuniti Luar)



Imbas kod QR bagi  
sumbangan melalui  
Portal PTAR



**TABUNG SUMBANGAN TUNAI**

**KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN**